

# UTHM terima 612 penuntut baharu ijazah sarjana muda

JOHOR BAHRU 18 Feb. - Seramai 612 penuntut baharu mendaftar di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) bagi mengikuti pelbagai kursus peringkat ijazah sarjana muda untuk kemasukan sesi 2013/2014, baru-baru ini.

Daripada jumlah tersebut, seramai 323 orang terdiri daripada penuntut wanita manakala 289 lagi merupakan penuntut lelaki.

UTHM menawarkan lebih 700 tempat untuk sesi kemasukan kali ini, melibatkan tujuh program pengajian peringkat ijazah iaitu Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik, Kejuruteraan Mekanikal dan Pembuatan dan Kejuruteraan Awam dan Alam Sekitar.

Mereka turut mengikuti pengajian untuk kursus Pengurusan Teknologi dan Perniagaan, Pendidikan Teknikal dan Vokasional, Sains Komputer dan

Teknologi Maklumat serta Sains, Teknologi dan Pembangunan Insan.

Naib Canselor UTHM, Datuk Prof. Dr. Mohd. Noh Dalimin berkata, kesemua program yang ditawarkan bukan sahaja diiktiraf oleh kerajaan malah mempunyai kekuatan kuri-kulum yang memenuhi syarat dan kehendak pasaran kerja.

Dalam ucapannya, Noh turut mengingatkan semua penuntut baharu supaya tidak lupa tanggungjawab masing-masing sebagai penuntut institut pengajian tinggi (IPT).

"Tahniah kepada semua kerana berjaya diterima masuk ke UTHM dan suka saya ingatkan bahawa tanggungjawab sebagai penuntut IPT adalah besar dan sentiasalah menyimpan azam untuk mencapai kecemerlangan dalam semua bidang yang diceburi," katanya.



SEBAHAGIAN penuntut baharu UTHM yang mendaftar untuk mengikuti program ijazah sarjana muda di Johor Bahru, baru-baru ini. - GAMBAR/IHSAN UTHM